

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/3/2013

Semangat mereka terlalu rendah setelah ditinggal ketua

Penggganas kini kebuluran

UM-17/3/2013

BAGAN DATOH 16 Mac - Saki-baki kumpulan penggganas Sulu yang dikepung di kawasan kecil di Lahad Datu, Sabah dilaporkan kebuluran dan semangat mereka terlalu rendah setelah ditinggalkan ketua, Azzumudie Kiram yang melarikan diri ke selatan Filipina.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kumpulan penggganas itu juga semakin terdesak apabila masyarakat berketurunan Sulu di Sabah tidak menyokong tindakan mereka menyerang negeri itu.

Katanya, ini bermakna kumpulan penggganas itu juga tidak mendapat bantuan bekalan makanan, maklumat dan sokongan moral daripada masyarakat Sulu di Sabah.

"Saya ingin memaklumkan pihak musuh sekarang ini sudah terlalu terdesak kerana mereka dikepung di kawasan yang kecil dan juga kebuluran kerana tidak mendapat bekalan makanan.

"Perkembangan terakhir ini menyebabkan mereka terlalu terdesak sehingga mahu melakukan beberapa tindakan termasuk mencuri makanan di rumah kosong dan kedai makan. Kita harap masyarakat setempat lebih berhati-hati kerana orang kebuluran akan menjadi lebih agresif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sebanyak 120 unit komputer untuk sekolah-sekolah terpilih di seluruh



TIGA kenderaan tentera menuju ke Sungai Nyamuk untuk memburu saki-baki penggganas yang disyaki masih bersembunyi dalam Ops Daulat di Lahad Datu, semalam. - BERNAMA

Perak di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid bersetuju dengan saranan Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya Suruhanjaya Diraja (RCI) ditubuhkan ba-

gi menyasiat dalang atau penglibatan 'pihak ketiga' dalam insiden pencerobohan penggganas Sulu di Lahad Datu dan Semporna.

Menurut beliau, siasatan itu me-

ngang perlu dilakukan bagi mendedahkan hal sebenarnya termasuk dalang dari Malaysia dan Filipina yang menyokong dan membiayai kumpulan penggganas tersebut.

"Kita tahu Jamalul Kiram seorang yang tidak mempunyai kemampuan kewangan kerana kos rawatan buah pinggang beliau pun dibiayai oleh Pejabat Kebajikan Filipina.

"Jadi kita hendak tahu dari mana dia mendapat wang untuk membiayai perjalanan anaknya menggunakan jet peribadi dan pembelian senjata oleh kumpulan militan yang menyerang Sabah. Sudah tentu ada 'pihak ketiga' yang mampu membiayai seluruh operasi," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan kononnya kerajaan Malaysia menyekat media Filipina mendapat maklumat sebenar 'Ops Daulat', beliau berkata, Jemaah Menteri pada Rabu lalu telah membenarkan media asing terutamanya dari negara tersebut berada di pusat media di Felda Sahabat untuk mendapatkan maklumat terkini di Lahad Datu.

Kata Ahmad Zahid, pihak tentera dan polis juga bersedia membawa media dari Filipina ke kawasan-kawasan operasi bagi menepis tuduhan kononnya pasukan keselamatan negara melakukan kezaliman dan pencabulan hak asasi manusia terhadap pihak musuh.

"Saya juga telah berbincang dengan Wisma Putra dan polis bagi mengizinkan pihak Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur untuk melawat suspek militan yang ditahan setelah selesai proses soal siasat," ujarnya.